

05/08/2000

Isu Sekolah Wawasan dipolitikkan: Musa

Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kebimbangan pelaksanaan Sekolah Wawasan yang didakwa menggugat identiti sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) atau sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) sengaja diadakan untuk menakutkan orang ramai.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata pihaknya tidak faham mengapa perkara itu perlu dibimbangkan sedangkan ia bertujuan meningkatkan integrasi di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini sejak peringkat kanak-kanak.

"Saya rasa ada pihak yang cuba mempolitikkan isu ini. Saya rasa ia sengaja diada-adakan untuk menimbulkan kebimbangan.

"Saya tidak setuju bahawa kebimbangan ini akan membawa masalah. Masalah sebenarnya adalah masalah dalam fikiran mereka (yang bimbang)," katanya kepada pemberita selepas Majlis Hari Anugerah Cemerlang 2000 di Sekolah Convent Bukit Nanas di sini, hari ini.

Beliau mengulas keengganan pihak lembaga pengelola SJKC untuk berpindah ke sekolah wawasan sekiranya diminta berbuat demikian.

Difahamkan, keengganan itu disebabkan kebimbangan keunikan dan identiti sekolah jenis kebangsaan akan tergugat sekiranya Sekolah Wawasan dilaksanakan.

Sekolah Wawasan adalah penempatan tiga sekolah berlainan aliran dalam satu kawasan dengan ketiga-tiga sekolah terbabit berkongsi kemudahan asas. Ia juga bertujuan menggalakkan persefahaman kaum pada peringkat kanak-kanak lagi.

Musa berkata, konsep sama sudah dilaksanakan di Lurah Bilut, Bentong, Pahang sejak beberapa tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya tidak memaksa mana-mana sekolah yang enggan menyertai Sekolah Wawasan yang akan diperluaskan ke seluruh negara.

Minggu lalu, semua 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN bersetuju dan menyokong pengwujudan Sekolah Wawasan sebagai satu cara merapatkan hubungan rakyat pelbagai kaum pada peringkat awal lagi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan perkara itu berkata, BN khuatir kegiatan pihak tertentu yang menyemai rasa kebencian di peringkat tadika, sekolah atau universiti.

Dalam perkembangan lain, Musa berkata, masalah pengaliran keluar tenaga pengajar yang melanda institusi pengajian tinggi awam (IPTA) perlu dilihat secara individu.

Beliau berkata, mereka yang terbabit berbuat demikian mungkin kerana tawaran gaji lebih lumayan serta didorong perasaan tidak puas hati dengan persekitaran.

Katanya, kebanyakan tenaga pengajar yang ditemui berminat untuk kekal di IPTA kerana tertarik dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan persekitarannya.

(END)